

19 OCT 2001

BELANJAWAN-PROSPEK EKONOMI

PERTUMBUHAN EKONOMI MSIA AKAN DIPACU AKTIVITI DOMESTIK, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata bahawa prospek ekonomi akan terus menggalakkan memandangkan asas-asas ekonomi negara yang kukuh.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan, berkata rizab luar telah menjadi stabil pada paras lebih tinggi sebanyak RM113.7 bilion atau AS\$29.9 bilion sehingga 15 Okt 2001, cukup untuk membiayai 4.7 bulan import tertanggung.

"Imbangan perdagangan luar mencatatkan lebih bagi 46 bulan berturut-turut sejak November 1997 sehingga Ogos tahun ini," katanya semasa membentangkan Belanjawan 2002 di Dewan Rakyat di sini, yang berjumlah RM100.52 bilion.

Katanya memandangkan persekitaran luaran yang kurang memuaskan, pertumbuhan ekonomi negara akan didorong oleh aktiviti-aktiviti ekonomi domestik.

"Pertumbuhan ekonomi kita dijangka meningkat di antara empat hingga lima peratus pada 2002 dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) terus tinggi sebanyak RM370 bilion," katanya.

Beliau berkata semua sektor ekonomi utama akan terus mencatatkan pertumbuhan, sebahagian besarnya didahului oleh sektor perkilangan dan perkhidmatan.

Peningkatan dalam pertumbuhan sektor perkilangan dijangka didorong oleh pemulihan dalam permintaan global bagi elektronik manakala sektor perkhidmatan akan disokong oleh peningkatan berterusan dalam aktiviti-aktiviti ekonomi domestik.

Dr Mahathir berkata permintaan domestik pada harga semasa dijangka meningkat sebanyak 5.5 peratus terutamanya disebabkan pertumbuhan dalam perbelanjaan sektor swasta sebanyak 6.6 peratus.

Sektor awam, bagaimanapun, terus berkembang sungguhpun pada kadar lebih perlahan sebanyak 3.1 peratus.

Dr Mahathir juga berkata bahawa Tabungan Kasar Negara masih pada paras tinggi sebanyak sepertiga daripada KDNK.

Tambahnya bahawa sistem perbankan terus diperkukuhkan dengan nisbah modal wajaran risiko (RWCR) pada 12.6 peratus, yang melebihi standard antarabangsa sebanyak lapan peratus.

Paras hutang jangka pendek adalah rendah pada 5.2 peratus daripada KDNK, manakala nisbah pembayaran balik hutang terus kekal.

Dr Mahathir berkata, dengan KDNK yang lebih tinggi, pendapatan per kapita pertumbuhan dijangka meningkat sebanyak 4.7 peratus kepada RM13,962 pada 2002 berbanding dengan RM13,333 pada 2001.

Dengan inflasi pada paras yang rendah, pendapatan per kapita daripada segi pariti kuasa membeli akan meningkat sebanyak 5.1 peratus kepada AS\$9,403 dalam 2002 daripada AS\$8,944 dalam 2001, yang mencerminkan kuasa membeli rakyat yang lebih tinggi.

"Kerajaan akan terus melaksanakan langkah-langkah bukan konvensional berasaskan kepada pendekatan kita sendiri yang telah terbukti berjaya dan berkesan dalam mengurus ekonomi," katanya.

Dr Mahathir, bagaimanapun berkata, kerajaan akan terus mengawasi perkembangan domestik dan luaran bagi memastikan bahawa nilai ringgit adalah konsisten dengan asas-asas makroekonomi negara.

Memandangkan kemudah ruapan dalam pasaran-pasaran tukaran wang asing, kerajaan akan memastikan bahawa kadar pertukaran ringgit terus stabil, kata

Dr Mahathir said. -- BERNAMA
WNZ KTC OS